



BERSAMA ZAID MOHAMED  
PENYELARAS NOOR HIDAYAH  
SHAFIEE

# Mengajari Anak MENGENAI ADAB

**A**NAK-ANAK PERLU DILATIH UNTUK MEMPUYAI SIKAP YANG BERADAB DAN PENUH SOPAN SANTUN SEMASA KECIL. LAGI, TIADA SIAPA PUN YANG SUKA KEPADA ORANG YANG KURANG SOPAN ATAU DI DALAM BAHASA KASARNYA. KURANG AJAR, MEREKA BOLEH MENGGANGGU MOOD KITA MALAH MEROSAKKAN HARI KITA. NAMUN MALANGNYA, DI ZAMAN SERBA MODEN INI KITA AKAN TERJUMPA DENGAN RAMAI ORANG SEBEGITU.

Sebuah artikel di majalah Readers Digest tahun 2013 telah mengesahkan perkara ini. Mereka telah mengkaji sebanyak 36 bandar raya untuk melihat apakah para penduduknya penuh dengan sopan santun. Apa yang mengejutkan ialah bandar raya Kuala Lumpur, Singapura dan Bangkok telah menduduki tempat teratas dalam senarai bandar raya yang penuh dengan penduduk yang tidak sopan.

Ini sangat mengecewakan kerana Malaysia adalah sebuah negara yang majoriti penduduknya Islam dan adab sopan adalah salah satu cabang hidup yang amat ditekankan dalam Islam.

## Kurang Nilai Budaya

Kajian telah mendedahkan bahawa masih ramai ahli kalangan masyarakat kita yang kurang nilai dan budaya kesopanan. Namun jika dihalusi sebenarnya ia bukanlah sesuatu yang asing kerana mungkin kita sendiri telah mengalami beberapa pengalaman pahit bertemu atau berinteraksi dengan orang yang tiada adab sopan. Mereka berada di mana-mana sama ada di rumah, di perjalanan malah di pejabat juga. Tidak hairanlah kita sentiasa bertemu dan berinteraksi dengan mereka.

Malah kita juga tidak boleh menafikan yang kadang kala kita juga menjadi seorang yang kurang sopan dan tidak beradab dalam interaksi kita dengan orang lain.

Sebelum kita menuduh orang lain sebagai tidak beradab, lebih baik kita lihat ke dalam diri kita sendiri dahulu untuk memastikan kita juga tidak bersalah di dalam perkara ini. Sebelum kita marah kepada mereka apabila mereka memotong barisan, tidak membuka pintu untuk kita ataupun melanggar peraturan trafik sewenang-wenangnya perhatikan bagaimana perangai dan tingkah laku diri kita dahulu supaya kita juga tidak tergolong dalam kategori yang sama seperti mereka.

Kemungkinan besar kita juga telah sekali-sekala melakukan perkara-perkara yang kurang sopan yang disebutkan tadi. Namun kita hendaklah segera memohon maaf dan tidak mengulangi perkara-perkara tersebut yang boleh menjatuhkan maruah dan imej kita. Kita bertanggungjawab untuk menjadi contoh seorang yang beradab dan berakhlak mulia kepada anak-anak muda, anak-anak remaja dan terutamanya anak-anak kita sendiri.

"Jangan Burukkan Keadaan"

Perasaan bertanggungjawab dan mengaku bahawa diri kita juga adalah sebahagian daripada masalah ini merupakan satu langkah yang besar ke arah mencipta sebuah masyarakat yang lebih beradab sopan. Cara terbaik untuk menangani

satu lagi masalah sosial ini ialah dengan melawannya secara terus dan berdebat. Bagaimanakah ia boleh dilakukan? Kita hanya perlu menunjukkan jalan dan menjadi contoh teladan bahawa kita sebenarnya mampu untuk menjadi seorang yang beradab sopan.

Namun di sinilah terdapatnya ujian yang besar untuk diri kita. Ini kerana kita memerlukan satu keberanian yang besar untuk menjadi seorang yang bersopan kerana ia jauh lebih mudah dan lebih memuaskan hati malah kita berasa lebih adil jika kita turut menjadi orang yang biadab dalam melepaskan geram. Contohnya, ramai yang tidak mampu berlaku sopan apabila orang di hadapan mereka berkelakuan tidak senonoh. Ini banyak kelihatan di atas jalan raya di mana tatatusila kesopanan hilang begitu sahaja apabila melihat orang lain melanggar peraturan jalan raya lalu ramailah pemandu yang lain mengikutnya.

Contoh yang lain termasuk ada beberapa manusia yang sudah tidak ingin lagi melakukan adab sopan kerana mereka terasa tidak dihargai walau dengan sedikit ucapan terima kasih.

"Tanda-banda Kebahagiaan"

Mengakui hakikat bahawa kita adalah sebahagian daripada masalah ini sudah merupakan satu langkah yang besar ke

arah menyelesaikan masalah adab sopan di dalam masyarakat kita. Cara terbaik untuk menangani salah satu lagi masalah sosial ini ialah dengan bersabar dan dengan menunjukkan contoh teladan yang baik walaupun berhadapan dengan mereka yang kurang sopan.

Hakikatnya hanya orang yang bahagia dan kental jiwanya yang boleh terus menertus mempunyai adab sopan. Orang yang bahagia tidak mempunyai masalah untuk senyum kepada orang lain. Mereka juga dengan pantas membantu sesiapa yang memerlukan pertolongan yang lalu datang di hadapan mereka. Kita semua mampu untuk menjadi insan yang bahagia. Jika kita berhadapan dengan seorang yang kurang sopan di masa hadapan berhenti seketika dan cuba padamkan perasaan marah kita.

"Hidup Ini Sangat Singkat"

Dalam senarai yang di ketuarkan oleh majalah Readers Digest yang disebutkan tadi bandar raya New York telah ditabalkan menjadi sebuah bandar yang paling sopan di dunia. Ramai yang terkejut dengan penabalan

ini kerana mereka menganggap para penduduk bandar raya sebesar New York pastinya penuh dengan sikap kurang sopan dan kekelutan. Tapi perkara ini sebenarnya telah berlaku terutama selepas tragedi 11 September 2001. Tragedi tersebut telah menyatukan para penduduk New York dan mengingatkan mereka bahawa kehidupan ini sangat pendek sekali.

Dengan kesedaran tersebut kebanyakan warga kota New York telah mula menjadi lebih sopan dan lebih membantu di antara satu sama lain supaya kehidupan mereka menjadi lebih mudah dan lebih lancar dari sehari ke sehari. Kita tidak memerlukan sebuah tragedi yang besar seperti tragedi 11 September untuk mengingatkan kita supaya menjadi masyarakat yang beradab sopan.

Kesopanan bermula di rumah dan setiap ibu bapa adalah bertanggungjawab untuk memastikan generasi baru menjadi generasi yang penuh dengan adab sopan. Mulakannya dengan mengajar anak kita melalui contoh tauladan. Kita sebagai ibu bapa adalah guru yang terbaik dalam perkara ini yang perlu menunjukkan kesabaran yang tinggi dan berhenti dari membalas segala kejadian kurang sopan yang kita alami setiap hari.

Tunjukkan kepada anak-anak bahawa kita sebenarnya adalah hero dan pemenang di dalam perlawanan adab sopan dengan orang yang kurang sopan. Sememangnya hidup ini sangat pendek kita bertanggungjawab untuk menjadikan hari-hari kita sebahagian yang bahagia dengan memperkenalkan kembali konsep adab sopan sebagaimana yang disarankan oleh agama kita.

